

**KONSEP PENDIDIKAN ISLAM
MENURUT PEMIKIRAN IBN KHALDUN :
SUATU KAJIAN TERHADAP ELEMEN-ELEMEN
KEMASYARAKATAN ISLAM**

SYAHRUL RIZA

**UNIVERSITI SAINS MALAYSIA
2008**

**KONSEP PENDIDIKAN ISLAM
MENURUT PEMIKIRAN IBN KHALDUN :
SUATU KAJIAN TERHADAP ELEMEN-ELEMEN
KEMASYARAKATAN ISLAM**

oleh

SYAHRUL RIZA

**Tesis diserahkan untuk memenuhi
keperluan bagi Ijazah Sarjana Sastera**

Julai 2008

PENGHARGAAN

Bismillahi al-Rahman al-Rahim

Segala puji bagi Allah s.w.t., Tuhan semesta alam beserta isinya. Hanya dengan taufiq dan hidayah-Nyalah, akhirnya penulis dapat menyelesaikan penulisan tesis ini yang bertajuk : “Konsep Pendidikan Islam Menurut Pemikiran Ibn Khaldun : Suatu Kajian Terhadap Elemen-Element Kemasyarakatan Islam”, sebagai syarat untuk menyelesaikan ijazah sarjana di Universiti Sains Malaysia. Selawat dan salam semoga dilimpahkan kepada Rasulullah s.a.w. beserta keluarga, sahabat dan umatnya.

Penulis menyedari sepenuhnya atas keterbasan sarana mahupun kemampuan yang penulis miliki untuk mendapatkan hasil penyelidikan yang sempurna dalam tesis ini. Namun demikian, penulis merasa sangat bersyukur kerana banyak pihak yang telah dengan tulus ikhlas memberikan pelbagai bantuan baik moral mahupun material serta telah meluangkan waktunya untuk memberikan bimbingan selama penulis melakukan penyelidikan hingga penulisan tesis ini dapat diselesaikan. Oleh sebab itu, penulis dengan berbesar hati ingin menyampaikan ucapan terima kasih yang tidak terhingga kepada :

H.Hamzah Abdullah dan Hj.Aisyah Muhammad Dan, selaku ibu bapa penulis, dan seluruh ahli keluarga serta tidak terlupakan buat isteriku tercinta Selvi Arizona binti H.Saifullah M.Zein yang telah memberikan bantuan dana dan doa serta memberikan motivasi hingga penulis dapat menyelesaikan tesis untuk ijazah sarjana di Universiti Sains Malaysia.

Dr. Noor Shakirah Mat Akhir, selaku penyelia dalam penulisan tesis ini, yang telah meluangkan masanya untuk memberikan bimbingan dengan ramah dan tulus kepada penulis hingga penulisan tesis ini selesai.

Seluruh pensyarah Bahagian Pengajian Islam, staf dan pegawai di Pusat Pengajian Ilmu Kemanusiaan, Universiti Sains Malaysia yang telah memberikan bantuan serta layanan pentadbiran kepada penulis dalam menyelesaikan tesis ini.

Seluruh staf dan pegawai Perpustakaan Universiti Sains Malaysia dan universiti-universiti lain yang ada di Malaysia yang telah memberikan layanan yang baik dalam meminjamkan buku-buku dan bahan-bahan rujukan yang diperlukan selama penulisan tesis ini hingga selesai.

Semua pihak yang tidak penulis sebutkan namanya baik secara langsung mahupun tidak langsung yang telah memberikan bantuan kepada penulis baik berupa moral mahupun material hingga penulis dapat menyelesaikan tesis untuk ijazah sarjana di Universiti Sains Malaysia.

Penulis menyedari masih banyak kekurangan dalam penulisan tesis ini. Untuk itu, sumbang saran dan kritikan yang membina daripada pelbagai pihak sangat penulis harapkan demi kesempurnaan tesis ini, sehingga dapat dimanfaatkan bagi kegiatan keilmuan pada masa akan datang.

P. Pinang, 29 Julai 2008

(Syahrul Riza)

ISI KANDUNGAN

ISI

MUKA SURAT

PENGHARGAAN	i
ISI KANDUNGAN	iii
SENARAI SINGKATAN KATA	v
PANDUAN TRANSLITERASI	vi
ABSTRAK	viii
ABSTRACT	x

BAB I. PENDAHULUAN

1.1	Latar Belakang Kajian	1
1.2	Pernyataan Masalah	9
1.3	Kajian-kajian Lepas	12
1.4	Batasan Kajian	18
1.5	Kepentingan Kajian	19
1.6	Objektif Kajian	19
1.7	Kaedah Kajian	20

BAB II. KONSEP PENDIDIKAN ISLAM

2.1	Pengantar Pendidikan Islam	27
2.2	Definisi Pendidikan Islam	29
2.2.1	Pengertian Pendidikan dari Segi Bahasa	30
2.2.2	Pengertian Pendidikan dari Segi Istilah	37
2.2.3	Pengertian Pendidikan Dalam Islam	38
2.3	Sumber Pendidikan Islam	39
2.3.1	Al-Qu'ran sebagai Sumber Pendidikan Islam	39
2.3.2	Al-Hadith sebagai Sumber Kedua Pendidikan Islam	41
2.4	Matlamat Pendidikan Islam	44
2.4.1	Matlamat Am Pendidikan Islam	46
2.4.2	Matlamat Khas Pendidikan Islam	52
2.4.3	Matlamat Akhir Pendidikan Islam	54
2.5	Asas-asas Pendidikan Islam	59
2.5.1	Asas Pendidikan Am	59
2.5.1.1	Asas-asas Sejarah Dalam Pendidikan	59
2.5.1.2	Asas-asas Sosial Dalam Pendidikan	61
2.5.1.3	Asas-asas Ekonomi Dalam Pendidikan	63
2.5.1.4	Asas Politik Dan Pentadbiran Dalam Pendidikan	65
2.5.1.5	Asas-asas Psikologis Dalam Pendidikan	67
2.5.2	Asas Pendidikan Khas (Islam)	68
2.5.2.1	Asas Akidah	68
2.5.2.2	Asas Ibadat	71
2.5.2.3	Asas <i>Tasyri'</i>	74
2.5.2.4	Asas Akhlak	75
2.6	Struktur Pendidikan Islam	79

BAB III. KEHIDUPAN IBN KHALDUN

3.1	Latar Belakang Kehidupan Ibn Khaldun	90
3.1.1	Latar Belakang Pendidikan Ibn Khaldun	93
3.1.2	Latar Belakang Politik Pada zamannya	98
3.1.3	Latar Belakang Sosial Pada zamannya	104
3.1.4	Karya-karya Tulisan Ibn Khaldun	108
3.2	Ibn Khaldun dalam Sejarah Intelektual	113

BAB IV. KONSEP-KONSEP PENDIDIKAN MENURUT IBN KHALDUN

4.1	Struktur Pendidikan menurut Ibn Khaldun	119
4.2	Pandangan Ibn Khaldun Tentang Perkembangan Akal Fikiran Pelajar	122
4.3	Fitrah Sebagai Potensi Perkembangan Pendidikan	128
4.4	Pendidikan Sebagai Penjelmaan daripada Potensi ke Kenyataan ..	132
4.4.1	Potensi Kognitif dan Fungsinya dalam Belajar	133
4.4.2	Teori Belajar	135
4.5	Klasifikasi Jenis Ilmu Pengetahuan	139
4.5.1	Ilmu-ilmu yang Bersifat Tradisional	140
4.5.2	Ilmu-ilmu yang Bersifat Rasional	144
4.6	Kaedah Pengajaran menurut Ibn Khaldun	146
4.6.1	Gaya Mengajar atau Cara Penyampaian	150
4.6.2	Alat Bantu dan Sarana Pendukung Proses Belajar dan Mengajar ..	151

BAB V. KEMASYARAKATAN ISLAM DALAM KONSEP PENDIDIKAN MENURUT IBN KHALDUN

5.1	Manusia Dalam Perspektif Pendidikan Islam	154
5.2	Elemen-elemen Kemasyarakatan	159
5.2.1	Manusia sebagai anggota masyarakat	159
5.2.2	Perkembangan dan perubahan masyarakat	160
5.2.3	Perbezaan antara masyarakat	162
5.3	Aspek-aspek yang mempengaruhi kemasyarakatan	165
5.3.1	Aspek Sejarah	165
5.3.2	Aspek Budaya	167
5.3.3	Aspek Persekitaran	169
5.3.4	Aspek Tamadun	172
5.4	Pendidikan Islam berteraskan kemasyarakatan	175
5.5	Analisis akhir	177

BAB VI. PENUTUP

6.1	Kesimpulan	183
6.2	Saranan	188

BIBLIOGRAFI	190
--------------------------	-----

SENARAI SINGKATAN KATA

cet.	=	cetakan
ed.	=	edisi
et. al	=	Pengarang bersama
H	=	hijriat / hijrah
HR	=	<i>Hadith Rawahu</i>
jld.	=	jilid
m	=	miladiat / masehi
m.s.	=	muka surat
no.	=	Nombor
P.M	=	Perdana Menteri
Q.S	=	<i>Quran Surat</i>
r.a	=	<i>radiyallah 'anh</i>
R.M.K	=	Rancangan Malaysia Ke
s.a.w	=	<i>sallallah 'alayhi wasallam</i>
s.w.t	=	<i>subhanahu wa ta'ala</i>
T.M.K	=	Teknologi Maklumat dan Komunikasi
t.p.	=	tidak ada penerbit
t.t.p.	=	tidak ada tempat penerbit
t.th.	=	tidak ada tahun terbit
terj	=	terjemahan
w.	=	wafat

PANDUAN TRANSLITERASI *

1. Konsonan

ا = -	ز = Z	ق = q
ب = b	س = S	ك = k
ت = t	ش = Sy	ل = l
ث = th	ص = S	م = m
ج = j	ض = D	ن = n
ح = h	ط = T	و = w
خ = kh	ظ = Z	ه ، ه = h
د = d	ع = ‘	ء = ‘
ذ = dh	غ = Gh	ي = y
ر = r	ف = F	ة = ṭ

2. Vokal

Pendek	Panjang	Diftong
_____ a	ا _____ a	اَيُّ _____ ay (بين = bayn)
_____ i	ي _____ i	اَوْ _____ aw (قول = qawl)
_____ u	و _____ u	

* Panduan transliterasi ini berpandukan kepada *Pedoman Transliterasi Huruf Arab ke Huruf Rumi* (1992). Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka b.p. Jawatankuasa Tetap Bahasa Malaysia Kementerian Pendidikan Malaysia.

3. Kaedah yang digunakan

3.1. *Ta' marbutaṭ* (ة) ditulis = *t* , kecuali di akhir nama orang ditulis “ h ”.

Contoh: المدينة المنورة = al-Madinaṭ al-Munawwaraṭ dan ابن قتيبة = Ibn Qutaybah.

3.2. Huruf *hamzaṭ* (ء) yang terdapat :

(a). di awal kata sama ada berbunyi a, i dan u ditulis mengikut bunyi, tanpa diberi lambang koma atas ('). Contoh: أصغر = *asghar*, إِنْ = *inna* dan أمرت = *umirtu*.

(b). di belakang konsonan atau diftong pada sesuatu kata dilambangkan sebagaikoma atas ('). Contoh: عائشة = 'A'isyah dan الرأي = *al-ra'y*.

3.3. *Syaddaṭ* (ّ) yang terletak di atas huruf:

(a). ي yang terdapat di belakang konsonan *kasraṭ* di tengah kata yang merupakan gabungan vokal panjang dan konsonan ditulis “*iy* ”. Contoh: الإسلامية = *al-Islamiyyaṭ* dan السعودية = *al-sa'udiyyaṭ*.

(b). ي yang terdapat di belakang konsonan *kasraṭ* di akhir kata ditulis “*iy* ”. Contoh: العربي = *al-'arabiy* dan النبي = *al-nabiy*.

3.4. *Lafz al-Jalalaṭ* (الله) yang didahului dengan huruf *jar* atau berkedudukan sebagai *mudaf ilayh* atau sebagai *fa'il* ditulis tanpa dengan huruf *hamzaṭ*.

Contoh: بالله = *billah* atau الحمد لله = *al-hamdulillah* atau رضي الله = *radiyallah*.

Kecuali jika lafaz الله itu berkedudukan sebagai *mudaf ilayh* pada nama seseorang ditulis tanpa memberi huruf capital (L) pada kata ALLah seperti عبد الله = 'Abdullah.

**KONSEP PENDIDIKAN ISLAM MENURUT PEMIKIRAN IBN KHALDŪN : SUATU
KAJIAN TERHADAP ELEMEN-ELEMEN KEMASYARAKATAN ISLAM**

ABSTRAK

Ibn Khaldun bukan sahaja seorang ahli falsafah tetapi juga pengasas ilmu kemasyarakatan dan sumbangannya amat besar dalam bidang berkenaan sehingga hari ini. Beliau disifatkan sebagai sarjana agung penamat arus kebangkitan ilmu dalam Islam semasa zamannya.

Ibn Khaldun cenderung dalam melakukan kajian tentang masyarakat dan beliau telah meletakkan kaedah-kaedah ilmu ini sebagai asas awal dalam penulisan sejarah masakini. Beliau merangkumkan pemikirannya tentang kemasyarakatan dalam bukunya iaitu : *Al-Muqaddimah*. Selain dari itu Ibn Khaldun juga telah berjaya membangunkan teori-teori pendidikan dalam karyanya yang sama.

Penyelidikan ini dikhususkan pembahasannya kepada konsep pendidikan Islam dan elemen-elemen kemasyarakatan berdasarkan pemikiran Ibn Khaldun. Justeru, penyelidikan ini dilakukan bertujuan untuk mengetahui konsep pendidikan Islam menurut pemikiran Ibn Khaldun yang sesuai untuk diterapkan dalam masyarakat sekarang, di samping tidak mengetepikan elemen-elemen kemasyarakatan yang utama berdasarkan pemikiran beliau. Perhatian akan diberikan kepada aspek-aspek kemasyarakatan seperti : aspek sejarah, budaya, persekitaran, dan tamadun.

Penyelidikan ini menggunakan kaedah sejarah iaitu mengadakan penyelidikan yang bermatlamat untuk memecahkan masalah yang aktual dan menganalisis secara objektif permasalahan yang ada. Penyelidikan ini juga merupakan penyelidikan

kualitatif yang bersifat tekstual dan kontekstual dengan memfokuskan pada kajian kepustakaan. Data yang diperoleh atau terkumpul dari kajian ini barulah dianalisis dengan menggunakan kaedah analisis isi.

Ibn Khaldun menyarankan supaya pendidikan yang bermartabat dan bermatlamat tinggi haruslah memerhatikan elemen-elemen kemasyarakatan dalam proses pembelajaran dan pengajaran, baik manusia sebagai anggota masyarakat yang suka kepada perkembangan dan perubahan serta masyarakat yang selalu siap dengan perbezaan sesama mereka, kerana ini semua akan menjadi sarana pendokong dalam dunia pendidikan.

Kemasyhuran Ibn Khaldun dalam dunia ilmu pengetahuan pada amnya dan dunia pendidikan Islam khususnya, hendaklah dapat dijadikan contoh teladan yang dapat diikuti jejaknya oleh kalangan yang ingin mengembangkan wawasan pengetahuannya. Apalagi beliau dianggap sebagai salah seorang pengasas ilmu kemasyarakatan yang hebat.

**THE CONCEPT OF ISLAMIC EDUCATION BASED ON IBN KHALDŪN'S
THOUGHT : A STUDY OF ISLAMIC SOCIETAL ELEMENTS**

ABSTRACT

Ibn Khaldun was not only known as a philosopher but also as a sociologist and his contributions are still highly regarded until today. He was considered as an authority in empowering knowledge of Islamic teachings during his lifetime.

Ibn Khaldun was very keen in the study of the society. He had formulated the methodologies of knowledge as foundations to today's history writing. He had summarized all his ideas about the society in his book called : *al-Muqaddimah*. He had also succeeded in developing educational theories in the same book.

This research is based on the discussion of the Islamic Educational Concept and elements of the community which is founded upon Ibn Khaldun ideas. Therefore, the aim of this study is to find out the Islamic Educational Concept in accordance with Ibn Khaldun's thought which could be implemented in today's community without eliminating the main social elements that are based on his thought. Attention is also given to the aspects of the community such as: historical aspect, culture, environment and civilization.

This study uses the historical approach namely through conducting research in order to solve the actual problems and analyzes those problems objectively. This research is a qualitative research which is based on the textual and contextual aspects, namely focus on library research. The collected data from this study is analyzed using content analysis approach.

Ibn Khaldun had suggested that an esteemed and distinguished education should pay attention to the elements of the community in the process of teaching and learning; that is, man as part of the community who desires development and changes, and the community that is always faced with differences amongst themselves; as all of these elements would become the catalyst in the educational world.

Ibn Khaldun's fame in the educational world and specifically in Islamic education should be used as an example that should be followed by those who want to develop their knowledge parameters. Furthermore he is also admired and deemed as one of the pioneers who laid down the foundations on the knowledge of social science.

BAB I

PENDAHULUAN

1.1. Latar Belakang Kajian.

Sebagaimana diketahui bahawa Ibn Khaldun merupakan salah seorang ulama besar yang dihormati, sehingga kemasyhuran beliau sentiasa bersinar di setiap zaman, sehingga sekarang ramai orang yang menaruh perhatian terhadap idea dan pemikirannya. Beliau terkenal sebagai ahli sejarah yang bijaksana, ahli ekonomi dan perancang pendidikan dalam memakmurkan masyarakat sebagaimana ditulis dalam kitab *Muqaddimah*nya. Disebabkan oleh keahliannya, beliau dipandang bagaikan bintang yang bersinar dalam kegelapan pada zamannya, meskipun beberapa ketentuan perundangan yang berkaitan dengan kekuasaan politik kerajaan yang zalim tidak lagi sesuai dengan sistem perundangan masa kini.

Bagaimanapun, beliau tetap dipandang sebagai seorang *'alim* yang memiliki keperibadian unggul dan cemerlang fikirannya, sebab beliau banyak menggunakan idea-idea yang tidak dapat dibantah, berwatak asli yang pantas dijadikan teladan. Beliau juga memiliki kecerdasan tinggi, berpandangan luas dalam menganalisis pelbagai peristiwa yang terjadi semasa hidupnya. Sehingga seluruh gejala dari peristiwa tersebut dapat beliau jawab melalui pemikiran yang kreatif, dengan menetapkan hukum-hukum secara logik dan didukung oleh fakta-fakta yang lengkap, dan *sahih*.

Nama beliau ialah Waly al-Din 'Abd al-Rahman ibn Muhammad ibn Abi Bakr Muhammad ibn al-Hasan ibn Khaldun al-Maliki al-Hadrami, dilahirkan di Tunisia pada 1 Ramadan 732 H / 27 Mei 1332 M, dan beliau meninggal dunia pada 26

Ramadan 808 H / 18 Mac 1406 M di Kaherah. Kawasan Khalduniah di Tunisia masih ada sekarang hampir-hampir tidak berubah, dengan rumah yang dipercayai tempat kelahirannya. Keluarga Ibn Khaldun telah berpindah ke Tunisia dimana Ibn Khaldun dilahirkan, dan juga beliau mendapat pendidikan awalnya.¹

Beliau sangat bijak dalam bidang kemasyarakatan terutamanya bidang sosiologi. Selain daripada itu beliau menguasai al-Qur'an, Matematik dan Sejarah. Baginya yang penting adalah menghubungkan pemikiran sosiologi dengan pemerhatian sejarah. Kajian masyarakat menurut pandangannya merupakan, "bidang sains yang berdiri sendiri dan memiliki objeknya yang tersendiri yakni tamadun manusia dan organisasi sosialnya. Ia juga memiliki permasalahannya yang tersendiri, iaitu menerangkan secara tersusun akan gejala-gejala yang ada hubungannya dengan hakikat tamadun, sama ada ia berbentuk konvensional ataupun intelektual".²

Ibn Khaldun berpandangan bahawa manusia sebagai makhluk berfikir, dengan kemampuannya dapat memetik dan memahami hal-hal yang berada di luar dirinya. Pada mulanya, kemampuan itu masih berbentuk potensi. Dia menjadi aktual (mencapai suatu titik perkembangan) melalui *al-ta'lim*³ (pendidikan) dan *al-riyadaṭ* (latihan) yang sesuai dengan gerak perkembangan fizikal dan mentalnya⁴. Atas dasar inilah, pengaruh dunia luar terprogram dan dapat mengoptimalkan potensi manusia ke arah yang lebih sempurna.

¹ Lutfi Jum'ah, *Tarikh al-Falasifah al-Islamiyy fi al-Masyriq wa al-Maghrib*, m s : 19.

² Ibn Khaldun. (1993). *Mukaddimah*, m s : 395

³ Ibn Khaldun dalam konteks ini lebih suka menggunakan istilah *al-Ta'lim* daripada *al-Tarbiyah*. Meskipun kedua istilah itu berbeza, namun pengertian *al-Ta'lim* dalam terminologi Ibn Khaldun adalah pendidikan. Para ahli pendidikan Islam menggunakan istilah *al-Ta'lim* yang bererti pendidikan. Tokoh-tokoh tersebut misalnya al-Zarnuji (m. 602.H/1223.M), Ibn Miskawayh (m. 421.H/1030.M), Ibn Sahnun (m. 257.H/871.H), dan al-Qabisi (m. 404.H/1014.M). Sedangkan Syed Naquib al-Attas lebih suka menggunakan ungkapan *al-Ta'dib* sebagai padanan kata pendidikan. Abu al-Aynayn, Tibawi, al-Nahlawi dan Attiyah al-Abrasyi lebih suka menggunakan istilah *al-Tarbiyah*. (Perbincangan tentang istilah-istilah ini akan disertakan dibab II).

⁴ Frans Rosenthal *The Muqaddimah, an Introduction to History*, m s : 333-334.

Ibn Khaldun menambahkan bahawa kemampuan fikir manusia baru muncul secara aktual, setelah memiliki kemampuan *tamyiz* (kemampuan membezakan). Setelah masa itu, yang dicapai adalah merupakan akibat dari persepsi sensual dan kemampuan akal fikirannya. Potensi akal fikiran dan semua potensi lain yang dianugerahkan Allah s.w.t. sebagai watak manusia diusahakan untuk menjadi aktual sesuai dengan tuntutan wataknya. Sebelumnya itu, akal fikiran dapat memperoleh cara berfikir yang tidak dimilikinya. Dengan demikian, manusia mencari objek dan subjek lain untuk mendapatkannya.⁵

Setelah itu fikiran dan pandangannya dicurahkan pada pencarian hakikat kebenaran satu persatu, serta memperhatikan peristiwa-peristiwa yang dialaminya. Dia menjadi terlatih, sehingga upaya mencari pengetahuan tentang hakikat sesuatu menjadi suatu *malakaṭ* baginya⁶. Dengan *malakaṭ* tersebut, manusia lebih mengenal gejala dan hakikat sesuatu, lalu membentuk ilmu tertentu dan jiwa generasi yang sedang tumbuh tertarik untuk memperoleh ilmu tersebut. *Malakaṭ* itu sendiri diperoleh dengan cara berusaha dan bukan diperolehi secara perwarisan, maka dari itu jadilah ilmu sebagai *malakaṭ* yang memerlukan kepada pembelajaran.⁷ Bahkan mereka meminta bantuan para ahli ilmu pengetahuan dan keterampilan. Dalam konteks inilah menurut Ibn Khaldun timbulnya pendidikan. Jadi menurutnya ilmu pengetahuan dan pendidikan merupakan suatu hal yang semulajadi (*tab'i'i*) ditengah-tengah tamadun umat manusia⁸. Orang Timur pada masa Ibn Khaldun jauh lebih maju daripada orang Barat. Hal ini disebabkan adanya pendidikan dan aktiviti ilmiah yang terurus dengan baik. Disebabkan itu orang-orang Barat pergi (*rihlaṭ*) ke Timur untuk menuntut ilmu pengetahuan.

⁵ Warul Walidin, AK, *Konstelasi Pemikiran Pedagogik Ibn Khaldun Perspektif Pendidikan Modern*, m s : 105

⁶ Ibn Khaldun. (1993). *Mukaddimah*, m s : 342

⁷ Abdullah al-Amin al-Na'mi. *Kaedah dan Teknik Pengajaran menurut Ibn Khaldun dan al-Qabisi*, (terj : Mohd Ramzi Omar), m s: 76

⁸ *Ibid.*, m s : 432

Tentang keperluan *tarbiyah* (pendidikan) bagi manusia, Aziz al-Azmeh menyatakan :
“*science education are natural to civilization*”.⁹ Ibn Khaldun berpandangan, bahawa
“jiwa rasional bertahan secara semulajadi pada manusia hanyalah secara potensi”.
Penjelmaan daripada potensi kepada kenyataan disebabkan dua hal. Pertama,
keberanekaan ilmu dan persepsi baru yang muncul melalui perasaan. Kedua, oleh
pencapaian terakhir ilmu melalui kekuatan spekulasi, hingga benar-benar menjadi
persepsi aktual dan intelek murni, maka ia menjadi essensi spiritual dan essensinya
lalu mencapai kesempurnaan.¹⁰ Bertolak dari anggapan tersebut Ibn Khaldun
mengatakan, bahawa pendidikan merupakan upaya perubahan potensi (*al-Taqaṭ al-
Quswa*) manusia. Jadi pendidikan memegang peranan penting dalam tamadun
manusia.

Ibn Khaldun menjelaskan :

Manusia sebagaimana makhluk hewani lainnya juga mempunyai sifat *hayawaniyah*-nya seperti *al-hiss* (rasa), *al-harakat* (gerak), memerlukan *al-qiza* (makanan) dan tempat tinggal (*al-kanni*). Manusia berbeza dengan makhluk lain kerana manusia berkeupayaan untuk berfikir. Dengan potensi itu manusia dapat mencari keperluan hidup. Dengan potensinya, manusia dapat berinteraksi dengan sesamanya untuk tujuan-tujuan kesejahteraan hidup bersama. Juga dengan potensinya, manusia dapat menerima ajaran-ajaran dari Allah yang disampaikan oleh para Nabi kepadanya.¹¹

Secara semulajadi potensi manusia tumbuh dan berkembang dalam tahap demi tahap. Proses tersebut berlangsung berlanjutan sejak dalam kandungan sampai meninggal dunia. Searah dengan itu, pendidikan bertujuan mengoptimalkan pertumbuhan dan perkembangannya. Oleh itu, Ibn Khaldun meletakkan pendidikan dalam kerangka tamadun (*al-'Umran*). Pendidikan merupakan bahagian yang tidak dapat dipisahkan dari tamadun. Tamadun itu sendiri adalah isi pendidikan.

⁹ Aziz al-Azmeh, *Ibn Khaldun*, m s : 101.

¹⁰ *Ibid*, m s : 428

¹¹ Ibn Khaldun. (1930), *Muqaddimah*, m s : 34

Tamadun merupakan konsekuensi logik aktiviti manusia. Melalui kemampuan berfikirnya, manusia bukan hanya membuat kehidupannya, tetapi juga menaruh perhatian kepada pelbagai cara memperoleh erti hidup. Proses inilah yang melahirkan upaya pendidikan dan tamadun.¹² Daya olah fikiran manusia dibentuk oleh persekitaran, lama kelamaan membentuk suatu sistem. Kristalisasi sistem itulah membentuk kebudayaan.

Bagi Ibn Khaldun, kebudayaan (*al-thaqafa*) adalah suatu aspek kemanusiaan. Kebudayaan mengacu pada masyarakat. Dengan kata lain, kebudayaan terbentuk sebagai hasil kecenderungan semula jadi manusia untuk bekerja sama. Dia merupakan alat untuk keperluan manusia. Melalui penciptaan budaya manusia meningkatkan kondisi hidup sesuai dengan persekitarannya. Dari segi ini pendidikan dituntut untuk dapat memajukan kebudayaan dan tamadun umat. Pendidikan dapat mengarah pada pencapaian tingkat hidup yang lebih baik dengan tingkat kebudayaan dan tamadun lebih maju.

Berdasarkan pemikiran Ibn Khaldun tersebut, maka dapat diketahui bahawa dia mempunyai pemikiran pendidikan yang optimis. Pemahaman ini didasarkan pada pendapatnya, bahawa manusia mempunyai potensi yang dapat tumbuh dan dikembangkan melalui pendidikan. Demikian pula pendidikan merupakan salah satu sarana perubahan budaya, yang dapat mengubah aturan hidup menjadi lebih baik.¹³

Ibn Khaldun memaknai *fitra* sebagai potensi-potensi asas yang mengalami perubahan secara aktual setelah mendapat rangsangan (pengaruh) dari luar. Menurutnya, jiwa apabila berada dalam *fitra* nya yang asas (*fitra al-ula*) siap

¹² Ibn Khaldun. (1930). *Muqaddimah*, m s : 34

¹³ Warul Walidin, AK, *Konstelasi Pemikiran Pedagogik Ibn Khaldun Perspektif Pendidikan Modern*, m s : 107

menerima kebaikan dan kejahatan yang datang dan melekat padanya. Ibn Khaldun mendasarkan teori *fitrat*nya pada hadith yang bererti sebagai berikut: “*setiap anak yang dilahirkan dalam keadaan fitrat, maka ibu bapanyalah yang menjadikannya Yahudi, Nasrani atau Majusi*”.¹⁴

Berdasarkan kandungan hadith di atas menunjukkan bahawa yang dimaksudkan dengan *fitrat* adalah potensi baik, sedangkan yang dimaksudkan dengan menjadi Yahudi, Nasrani, dan Majusi bermakna menyesatkannya. Ertinya ibu bapanya (*milieu*) yang menjadikan perkembangannya menyimpang dari sifat dasar yang suci dan sepatutnya berkembang ke arah yang baik itu. Hadith tersebut juga menerangkan, bahawa *fitrat* yang dibawa sejak lahir itu sangat besar dipengaruhi oleh persekitaran.

Fitrat itu sendiri tidak akan berkembang tanpa pengaruh persekitaran yang mungkin dapat mengubah secara drastik *fitrat* itu, manakala persekitarannya tidak memungkinkan menjadikannya lebih baik. Maksudnya, *fitrat* manusia yang dibawa sejak lahir mengarah kepada kebaikan, namun persekitaran merupakan faktor penentu bagi kecenderungan watak, sifat, dan perilaku manusia. Faktor persekitaran (*milieu*) bergabung dengan *fitrat*, maka terhasilah perkembangan yang merupakan perilaku yang berkaitan antara persekitaran dengan *fitrat*.

Selanjutnya Ibn Khaldun menegaskan:

¹⁴ Ibn Khaldun. (1930). *Muqaddimah* m s : 123. Lihat : Imam ibn Hajr al-'Asqalani, *Fath al-Bari Syarh Sahih al-Bukhari juz 3*, dalam *Kitab al-Janaiz* bab 92 *ma qila fi 'awlad al-musyrikin*, nombor hadith. 1385 m s : 245-246.

Kalau yang satu telah lebih dahulu (datang) mempengaruhinya, sifat yang lain akan menjauh dalam bentuk yang seimbang, sehingga menjadi sukar baginya untuk memperoleh sifat yang telah menjauh itu. Orang-orang yang memiliki sifat kebaikan itu telah terlebih dahulu mempengaruhi dirinya, sehingga telah menjadi sifat yang tertanam dalam jiwanya, ia akan terjauh dari kejahatan, dan sukar baginya untuk melakukan kebaikan. Apabila kebiasaan-kebiasaan yang jahat itu terlebih dahulu sampai kepadanya, maka akan menjauh dari sifat kebaikan.¹⁵

Dalam kutipan tersebut, menunjukkan suatu teori yang dilahirkan oleh Ibn Khaldun bahawa, manusia pada dasarnya adalah baik, pengaruh yang datang kemudianlah yang akan menentukan apakah jiwa manusia tetap baik, atau menyimpang menjadi jahat. Jika pengaruh baik yang terlebih dahulu datang, maka jiwanya akan menjadi baik. Demikian pula sebaliknya. Ibn Khaldun juga menegaskan, bahawa sifat kebaikan dan kejahatan telah tertanam sedemikian rupa, sehingga telah menjadi *malakaṭ*-nya.¹⁶

Dengan demikian, manusia diberi kemungkinan mendidik diri dan orang lain. Di sinilah tergambar, bahawa dia memiliki kemahuan bebas untuk menentukan dirinya sendiri melalui ikhtiarnya. Menurut *al-'Aynayn*, manusia menurut al-Qur'an dijadikan dengan *fitraṭ* tauhid. Tabi'at asalnya adalah baik. Kemudian manusia mempunyai kecenderungan kepada kejelekan, kerana ada ikhtiar pada manusia untuk menerima atau menolak kejelekan tersebut.¹⁷

Al-Ghazali (450-505.H/1058-1111.M) berpandangan, bahawa setiap anak yang dilahirkan itu, dapat menerima baik dan buruk¹⁸. Sesuai dengan pandangan tersebut Ibn Khaldun mengakui manusia sedia menerima baik dan buruk sekaligus. Baik al-


¹⁵ Warul Walidin, AK, *Konstelasi Pemikiran Pedagogik Ibn Khaldun Perspektif Pendidikan Modern*, m s : 97-98

¹⁶ dimaksud dengan *malakaṭ* adalah sifat yang terbentuk dan telah mendarah daging (kebiasaan)

¹⁷ 'Ali Khalil Abu al-'Aynayn, *Falsafat al-Tarbiyat al-Islamiyyat fi al-Qur'an al-Karim*, , m s : 103.

¹⁸ Muhammad Munir Mursi, *al-Tarbiyat al-Islamiyyat 'Usuluha wa Tatawwaruha fi Bilad al-'Arabiyyat*, m s : 44.

Ghazali mahupun Ibn Khaldun keduanya mengambil sikap yang searah dengan penegasan al-Qur'an tentang *fitrah* manusia. Allah s.w.t. berfirman :



Ertinya : "(setelah kesesatan syirik itu) maka hadapkanlah dirimu (engkau dan pengikut-pengikut mu, wahai Muhammad), ke arah agama yang jauh dari kesesatan; Turutlah terus) "agama Allah" yaitu ugama Allah menciptakan manusia (dengan keadaan bersedia dari semulajadinya) untuk menerimanya".¹⁹

(al-Qur'an, al-Rum : 30)

Berdasarkan maksud ayat di atas sinar tauhid merupakan *fitrah* dapat ditegaskan dalam diri manusia yang terbentuk dari asal. Seterusnya hakikat hidup menurut al-Farabi (259-339.H/870-950.M), setiap manusia itu menurut *fitrah*nya haruslah bermasyarakat untuk mencapai kesempurnaan hidup. Dia tidak mungkin dapat menyelesaikan semua perkara secara tersendiri. Oleh itu, berhajat kepada masyarakatnya. Tiap-tiap orang perlu bersikap tolong-menolong. Jika tidak, mereka tidak akan mencapai kesempurnaannya. Hal ini terjadi dengan adanya perhimpunan masyarakat yang saling membantu untuk mencapai kesempurnaan dan memakmurkan dunia ini yang akhirnya terbentuklah masyarakat besar.²⁰

Al-Farabi (259-339.H/870-950.M), mengaskan :

"Manusia secara *fitrah*nya memerlukan hidup bermasyarakat. Mereka perlu bermasyarakat untuk wujud dan tegak mencapai kemakmuran di dunia ini. Masyarakat yang sempurna ialah masyarakat yang saling tolong-menolong dalam mencapai kebahagiaan (*al-Sa'adat*) yang berada di *Madinat al-Fadilat* dan dinamakan masyarakat *fadilat*²¹

¹⁹ Sheikh 'Abdullah Basmeih, *Tafsir Pimpinan Al-Rahman Kepada Pengertian al-Qur'an*, m s : 1062

²⁰ Abu Nasr Muhammad al-Farabi, *Kitab Ara' ahli al-Madinat al-Fadilat*, m s : 117

²¹ *Ibid.*, m s : 96-97

Dalam pandangan Islam seperti yang telah dikemukakan oleh Ibn Khaldun, menunjukkan bahawa ciri-ciri masyarakat dianggap moden itu telah lama wujud sebelum revolusi perindustrian di Eropah. Pada abad pertengahan masehi dunia Islam sebenarnya telah jauh lebih maju berbanding dengan Eropah. Perkara-perkara aspek moden tentang kemasyarakatan seperti yang terdapat masa kini telah banyak dibincangkan oleh Ibn Khaldun dalam karyanya *Muqaddimah*. Bahkan Ibn Khaldun sendiri telah memperkenalkan beberapa konsep penting sosiologi seperti perbandingan desa dan kota, *asabiya* atau *solidariti* sosial serta bidang-bidang berkaitan dengan ilmu-ilmu lain.

1.2. Pernyataan Masalah.

Selama ini, Ibn Khaldun dianggap sebagai ahli sosiologi²² yang merintis ilmu sosial dan telah mencetuskan konsep-konsep serta teori yang bermanfaat untuk dikembangkan. Namun demikian, Ibn Khaldun tidak hanya mendalami masalah kemasyarakatan sahaja, beliau juga menekuni masalah pendidikan dengan memberikan beberapa pemikiran tentang pendidikan Islam. Melalui pengalamannya sebagai seorang pendidik, beliau banyak melibatkan diri dalam majlis ilmu pengetahuan, mengajar, serta tekun mengadakan *halaqat* di beberapa negara seperti Tunisia, Fez (di Morocco) dan Andalusia. Ibn Khaldun secara formal juga pernah memberikan kuliah di Universiti al-Azhar dan beberapa institusi pendidikan tinggi yang lain di Kaherah.²³

²² Fuad Bali dan 'Ali Wardi, *Ibn Khaldun dan Pola Pemikiran Islam*, (terj. Mansuruddin dan Ahmadie Thaha), m s : 1

²³ Fattiyyah Hasan Sulaiman, *Pandangan Ibn Khaldun tentang Ilmu Pendidikan*, (terj. Herry Noer Ali), m s : 20

Melalui pengalamannya yang luas sebagai pendidik dan sebagai penganalisis yang sangat teliti tentang realiti pendidikan pada zamannya, Ibn Khaldun membangunkan teori-teori pendidikan Islam yang dicurahkan dalam karyanya *al-Muqaddimah* walaupun karyanya itu merangkumi pelbagai aspek. Keaslian dan kedalaman pemikirannya telah diakui oleh sejumlah ilmunan lain dan telah berhasil meletakkan karya tersebut yang dikenali sebagai karya besar yang unik pada zamannya. Karyanya masih terus dimanfaatkan oleh orang-orang yang berkepentingan, meskipun Ibn Khaldun telah tiada.

Bagaimana baik dan sempurnanya suatu kurikulum pendidikan Islam yang diterapkan dalam mencapai matlamat pendidikan Islam, namun apabila kurikulum tersebut tidak dilaksanakan sebagaimana mestinya seperti tidak memilih kaedah atau teori-teori pendidikan yang tepat dalam menyampaikan beberapa ilmu pengetahuan kepada pelajar dan tidak memerhatikan elemen-elemen kemasyarakatan yang terkandung di dalamnya, matlamat pendidikan tidak akan tercapai. Ketidaktepatan penerapan kaedah secara praktikal akan mengganggu proses pembelajaran yang akan mengakibatkan pembuangan masa dan tenaga secara sia-sia. Maka dari itu, kaedah dan teori-teori pendidikan merupakan syarat untuk mengintensifkan aktiviti dalam proses mencapai matlamat pendidikan Islam²⁴.

Datuk Seri Abdullah Ahmad Badawi²⁵ berkata dalam majlis pelancaran perayaan hari guru kebangsaan ke-36, misi nasional dan Rancangan Malaysia Kesembilan (RMK-9) menetapkan pembangunan modal insan dan pemupukan minda kelas pertama sebagai satu daripada lima teras utama ke arah mencapai Wawasan 2020.

²⁴ Abdurrahman Saleh Abdullah, *Teori-teori Pendidikan Berdasarkan al-Qu'ran*, (terj. M Arifin), m s : 197

²⁵ Perdana Menteri Malaysia ke 5, beliau juga sebagai president UMNO untuk biodata lengkap sila laman web : http://ms.wikipedia.org/wiki/Abdullah_bin_Haji_Ahmad_Badawi, 20 Februari 08

Oleh kerana itu, hakikat kejayaan agenda pembangunan modal insan bergantung kepada kualiti sistem pendidikan negara yang terdiri dari :

1. Pendidik perlu terus menyambut cabaran melahirkan generasi modal insan berdaya saing dan berfikiran global.
2. Pendidik perlu tetap berakar kepada nilai dan budaya tempatan.
3. Pendidik perlu peka dan prihatin dengan perkembangan terbaru dalam pelbagai ilmu dan kemahiran, terutama dalam bidang pendidikan.
4. Pendidik perlu bersedia merintis perubahan demi meningkatkan kualiti profesional itu selaras dengan usaha kerajaan menjana modal insan gemilang.
5. Keperluan dan kebajikan pendidik, terutama di luar bandar dan pedalaman akan terus diberi perhatian²⁶.

Berdasarkan ucapan diatas jelaslah arah pendidikan yang diharapkan oleh oleh PM Malaysia iaitu pendidikan yang bermatlamat untuk pengembangan negara, bangsa dan masyarakat. Oleh itu semua yang perlu dikaji sekarang apakah pendidikan sekarang ini telah memerhatikan elemen-elemen kemasyarakatan secara menyeluruh, kerana matlamat pendidikan Islam itu tidak akan tercapai secara menyeluruh dan bersepadu serta berguna jika jalan yang ditempuh menuju cita-cita tersebut tidak benar-benar tepat.

Pendidik adalah orang yang sangat bertanggungjawab dalam membentuk tamadun manusia melalui penyebaran ilmu kepada masyarakat. Justeru, semua pendidik mesti menyedari tanggungjawab mereka dan sentiasa menjaga nama baik sebagai pendidik dan pemimpin masyarakat dengan menjalankan segala tugas dan

²⁶ Ucapan PM Malaysia yang ditulis oleh Ehsan dalam Berita Harian, *PM Anggap Pendidik Penting untuk Maju*, http://myschoolnet.ppk.kpm.my/berita/2007/070522_05.htm, 20 Februari 2008.

tanggungjawab secara ikhlas dan jujur. Namun demikian yang perlu kita perhatikan sekarang sejauh mana seorang pelajar tersebut dapat menerima dan menyerap apa yang telah disampaikan oleh pendidik dan mampu menerapkan dalam kehidupan bermasyarakat sehingga ilmu yang telah didapati bukan sebagai teori sahaja akan tetapi dapat berguna bagi masyarakat banyak.

Maka dari itu kajian ini ingin menyelidik lebih ke arah elemen-elemen kemasyarakatan Islam yang meliputi pelbagai aspek seperti : aspek sejarah, budaya, alam sekitar dan tamadun. Kesemua aspek ini mempunyai kaitan dengan proses pendidikan, sebagaimana kita ketahui sebaik manapun suatu teori pendidik dalam mendidik anak didik jika tanpa didukung oleh semua aspek ini tidak akan tercapai matlamat pendidikan yang baik sebagaimana dijelaskan oleh Ibn Khaldun.

Berdasarkan permasalahan-permasalahan di atas, maka persoalan kajian ini tertumpu kepada :

1. Bagaimana teori pendidikan Islam menurut pemikiran Ibn Khaldun ?
2. Apakah elemen-elemen kemasyarakatan yang terkandung di dalam pemikiran Ibn Khaldun ?
3. Sejauh mana aspek-aspek kemasyarakatan mempengaruhi proses pendidikan Islam ?

1.3. Kajian-kajian Lepas.

Sepanjang pengamatan penulis didapati ada kajian atau karya ilmiah yang berkaitan dengan tajuk ini antaranya, Mohd Kamal Hassan, Faisal Haji Othman, Razali Haji Nawawi, pada suatu seminar Pendidikan Islam anjuran Fakulti Pengajian Islam, Universiti Malaya menyampaikan makalah dengan tajuk : *Konsep Pendidikan Islam*

dan *Matlamat Persekolahan Ugama/Arab di Malaysia*, (1976). Mereka menyatakan bahawa Pendidikan Islam dalam konteks ini membawa fungsi untuk melahirkan manusia yang berpengetahuan dan punya kesejajaran dengan dasar kehidupan Islam. Pengetahuan yang dimaksudkan ialah pengetahuan-pengetahuan yang merangkumi ilmu mengenai hubungan antara manusia dengan penciptanya (Allah s.w.t) yang dimanifestasikan dalam ilmu-ilmu akidah dan cara pelaksanaan ibadah khusus, dalam waktu yang sama berfungsi menjadikan manusia itu berilmu pengetahuan. Mengenai hubungan sesama manusia dimanifestasikan dalam ilmu-ilmu sosial Islam yang merangkumi ilmu-ilmu ekonomi, undang-undang, politik, kenegaraan dan antarabangsa, etika kebudayaan dan ilmu-ilmu natural sains dan teknologi yang berasaskan dasar hidup Islam. Selain itu, tabi'i manusia itu sendiri yang dijadikan Allah bermula dari kejadian Adam A.S adalah dimulakan dengan persediaan penemuan ilmu pengetahuan dan cahaya kebenaran sebagai persediaannya membawa amanah sebagai wakil Allah di bumi (*Khalifaṭ Allah Fi al-Ard*).

Zakiah Daradjat dalam bukunya yang bertajuk *Kesehatan Mental*, (1979) buku tersebut menjelaskan bagaimana prinsip *al-Mulayyanaṭ* dalam pendidikan, iaitu mengharuskan pendidik agar tidak memperlakukan subjek didik (murid) secara kasar. Menurut Ibn Khaldun, paksaan terhadap fizikal dalam upaya pendidikan sangat membahayakan subjek didik, terutama anak-anak yang masih kecil. Dan sikap keras pendidik menurut Zakiah Daradjat menimbulkan, "ia (anak) tidak sanggup mengeluarkan pendapat, kadang-kadang terlalu sopan dan tunduk kepada orang yang berkuasa", kurang mempunyai inisiatif yang muncul dengan sendirinya, tidak percaya pada diri dan yang dipilihnya selalu yang menjadi tanggungjawabnya sahaja.

Menurut Idris Zakaria, (1983), dalam menyelesaikan program sarjana di Universiti Kebangsaan Malaysia, Kuala Lumpur dengan tesis yang bertajuk *al-Farabi suatu analisa tentang teori kenegaraan berdasarkan kitab al-madinaṭ al-fadilaṭ*. Dalam bab III tesis tersebut beliau membahaskan tentang teori kemasyarakatan dan bernegara. Menurut beliau, setiap seorang dari manusia itu berkehendak kepada masyarakatnya untuk mencapai kesempurnaan yang terbaik, ia tidak mungkin dapat menyelesaikan semua perkara dengan dirinya sendiri, ia selalu berhajat kepada kaumnya, yang mana tiap-tiap seorang beginilah keadaannya yakni perlu kepada sikap tolong menolong. Jika tidak mereka tidak akan mencapai kesempurnaan. Ini terjadi dengan adanya perhimpunan masyarakat yang saling bantu-membantu dan dengan itu akan terhimpunlah hasil kepada mereka, sehingga apa yang mereka hajati untuk mencapai kesempurnaan dari perhimpunan itu bertambahlah manusia dan berhasil pula memakmurkan bumi, yang pada akhirnya terbentuklah sebuah masyarakat besar.

Noeng Muhadjir pernah mengemukakan dalam bukunya, *Ilmu Pendidikan dan Perubahan Sosial, Suatu Teori Pendidikan*, (1987). Beliau menegaskan bahawa Ibn Khaldun telah mendahului banyak teori. Di antaranya manusia ditentukan oleh faktor bakat dan keturunan semata-mata, ia lalui dengan membawa gagasan, dan beliau menyimpulkan bahawa perkembangan manusia dalam dunia pendidikan haruslah dilalui oleh beberapa faham pendidikan di antaranya : fahaman konvergensi *William Stern* (1871-1938), fahaman nativisme *Schopenhauer* (1788-1860) dan fahaman empirisme *John Locke* (1632-1704).

Dalam buku *Perbandingan Pendidikan Islam* yang ditulis oleh 'Ali al-Jumbulati 'Abd al-Futuḥ al-Tuwanisi tahun 1994 (terj. M. Arifin,). Beliau telah menelaah tentang pemikiran Ibn Khaldun terhadap konsep pendidikan, khasnya mengenai bagaimana

menetapkan kaedah mengajar yang harus diterapkan dalam proses mengajar ilmu pengetahuan atau mengikutinya (*Guidance ancausile*), yang menitikberatkan kepada pendidikan agama, serta beliau menyimpulkan bahawa setiap proses belajar mengajar harus terikat dengan teori-teori pendidikan Islam yang berlandaskan pada al-Qur'an dan Sunnah Nabi.

'Abdullah al-Amin al-Na'mi dalam bukunya yang bertajuk *al-Manahij wa Turuq al-Ta'lim 'Inda al-Qabisi* yang telah diterjemahkan oleh Mohd. Ramzi Omar dengan judul *Kaedah dan Teknik Pengajaran menurut Ibn Khaldun dan al-Qabisi*, (1994).

Buku tersebut menjelaskan tentang bagaimana usaha Ibn Khaldun untuk melakukan kajian tentang kemasyarakatan Islam. Beliau meletakkan kaedah-kaedah ilmu ini sebagai motif untuk menulis sejarah dalam bentuk baru, merangkumkan pemikiran kemasyarakatannya. Buku tersebut merumuskan pandangan Ibn Khaldun mengenai pendidikan dan peranannya dalam kehidupan di zamannya.

Warul Walidin, (1997), dalam menyelesaikan program Doktorat di IAIN Sunan Kalijaga Yogyakarta telah menulis tesis yang bertajuk *Konsep Pedagogik Ibn Khaldun*. Tesis ini telah dibukukan pada tahun 2003 dengan tajuk *Konstelasi Pemikiran Pedagogik Ibn Khaldun Perspektif Pendidikan Modern*. Dalam buku tersebut beliau mengatakan bahawa proses pendidikan hanya mampu menerima sekumpulan pelajaran yang telah ditetapkan, atau sebahagian hanya mengikuti matlamat yang ditentukan dalam kurikulum yang tersusun dalam pelajaran secara kaku, tanpa mengindahkan masalah pedagogik yang jelas, sehingga kondisi ini akan terperangkap dalam pemaksaan ilmu pengetahuan terhadap pelajar. Objektif untuk mencapai target atas ukuran yang ditetapkan oleh lembaga sekolah seperti itu

tanpa disedari merupakan wujud “pemaksaan” kepada murid untuk menyerap mata pelajaran dengan aturan yang ketat. Akibat daripadanya akan menimbulkan masalah dalam kehidupan masyarakat.

Menurut Aiza bt Maslan @ Baharudin, (2000), dalam disertasi yang dikemukakan bagi memenuhi syarat keperluan Ijazah Sarjana Sastera (Pengajian Peradaban) Fakulti Sastera dan Sains Sosial Universiti Malaya Kuala Lumpur yang bertajuk *Teori ‘Umrān Ibn Khaldūn : Kajian Khusus Kejatuhan Peradaban Islam Melaka dan Kebangkitan Kuasa Portugis di Melaka*. Dalam bab III tesis tersebut beliau membahaskan masalah *Teori ‘Umrān Ibn Khaldūn : Pembinaan dan kejatuhan peradaban manusia*. Beliau mengatakan bahawa Ibn Khaldūn merupakan tokoh awal yang membuat kajian secara perbandingan saintifik dan mengemukakan teori mengenai jatuh dan bangkitnya peradaban manusia. Sumbangan besar ini menyebabkan beliau diterima umum sebagai pengasas *‘ilm al-‘umrān* atau dikenali juga sebagai ‘sains peradaban manusia’, yang mendahului kira-kira lima ratus tahun perkembangan ilmu sosiologi di Eropah. Tesis ini lebih memahami teori *‘Umrān* yang telah diketengahkan oleh tokoh tersohor ini, adalah lebih baik diteliti secara sepintas lalu tentang elemen-elemen yang mempengaruhi perkembangan intelektual dan pembentukan teori-teori beliau, iaitu latar belakang kehidupan yang meliputi pendidikan dwidimensi yang diterimanya iaitu bidang keagamaan dan falsafah, pengalaman kejayaannya, dan suasana politik yang memberi peluang kepadanya membuat tafsiran yang lebih realiti terhadap realiti sosial.

Ghazali Darussalam dalam bukunya yang bertajuk: *Pedagogi Pendidikan Islam*, (2001). Beliau membahaskan tentang kaedah-kaedah pengajaran dan konsep pendidikan menurut pandangan Islam, adalah :

1. Kaedah pengajaran hendaklah mengikuti peringkat-peringkat pengajaran dan mata pelajaran.
2. Kaedah pengajaran hendaklah sesuai dengan perkembangan jiwa murid.
3. Kaedah pengajaran hendaklah secara bertahap seperti, *tardid*, *al-sama' al-ijtima' al-wataniy*, *mulakhasas*, dan *muhadarat*.
4. Kaedah pengajaran untuk peringkat umum barulah memakai kaedah *kulli* yang berbentuk *al-Daqiqat* (menyeluruh dan detil), atau '*Umumiyyat* (umum).

Dan beliau belum menyentuh pada elemen kemasyarakatan Islam serta teori apa yang lebih sesuai untuk proses pendidikan.

Menurut Muhammad 'Uthman el-Muhammady (2001), dalam makalahnya yang bertajuk: *Ibn Khaldun dan pemeraksanaan budaya dan tamadun dengan merujuk kepada al-Muqaddimah*. Pandangan beliau sesuai yang apa yang disebut Ibn Khaldun bahawa ilmu perlu menjadi sebagai *malakat* atau kemahiran dan kecekapan yang sedemikian mendalam dalam seseorang dalam sesuatu ilmu sampai menjadi tabiat kedua baginya. Beliau menyatakan bahawa *malakat* ini berlaku dalam ilmu dengan manusia membuat latihan menggunakan fikiran dan percakapan dalam ilmu dengan perbincangan serta pertukaran pendapat dan maklumat. Cara yang paling mudah untuk memperoleh "*malakat*" ialah dengan jalan melalui latihan lidah digunakan untuk mengungkapkan fikiran-fikiran dengan jelas dalam diskusi dan perdebatan dalam masalah-masalah ilmiah.

Menurut Joni Tamkin Borhan dan Che Zarrina Sa'ari (2007), dalam makalahnya yang bertajuk: *Modal Insan dan Kependudukan Dalam Pembangunan Negara Menurut Ibn Khaldun*. Beliau mengatakan bahawa Ibn Khaldun mempunyai

pandangan manusia itu sebagai modal insan yang berbeza dengan haiwan kerana mereka mempunyai keupayaan berfikir, menentukan, memilih dan mempelajari sesuatu untuk mencapai matlamat hidup yang lebih bertamadun. Di samping keupayaan menggunakan akal fikiran dalam membentuk tamadun, Ibn Khaldun melihat matlamat tamadun adalah dalam bentuk untuk memenuhi dua keperluan utama iaitu keperluan biologi dan keperluan sosial. Maka dari itu, beliau menyimpulkan Ibn Khaldun telah menetapkan bahawa seseorang modal insan yang berfungsi adalah mereka yang menggunakan kemahiran berfikir mereka serta memerlukan kepada pemenuhan keperluan asas mereka dari aspek biologi, sosial dan spiritual mereka.

Berdasarkan kepada kajian terdahulu yang telah diterangkan di atas, maka didapati masih ada keperluan untuk suatu kajian yang khusus mengaitkan antara teori pendidikan dengan elemen-elemen kemasyarakatan berdasarkan pemikiran Ibn Khaldun.

1.4. Batasan Kajian.

Kajian ini dibatasi kepada teori pendidikan Islam menurut pemikiran Ibn Khaldun, kemudian dianalisis untuk menelaah elemen-elemen kemasyarakatan Islam yang terkandung di dalamnya baik secara langsung mahupun tidak langsung.

Dalam kajian ini penulis menjadikan karya-karya tulisan Ibn Khaldun dan karya-karya lain mengenainya sebagai bahan rujukan utama di sebalik kajian-kajian lepas, di antaranya : *Muqaddimah*, *Tarikh al-'Alamaṭ Ibn Khaldun*, *Tarikh Ibn Khaldun*, *Ibn Khaldun wa al-Fikri al-'Arabiyy al-Mu'asir*, *al-Ta'rif bi Ibn Khaldun wa Riḥlatuhu*

Gharban wa Syarqan, Kejeniusan Ibn Khaldun, Konstelasi Pemikiran Pedagogik Ibn Khaldun Perspektif Pendidikan Moden, Kaedah dan Teknik Pengajaran menurut Ibn Khaldun dan al-Qabisi dan lain-lain.

1.4. Kepentingan Kajian.

Adapun penyelidikan atau kajian ini mempunyai beberapa kepentingan yang antara lain adalah :

1. Boleh dijadikan sebagai sumber rujukan bagi pengkaji dan pembaca yang berminat mengenainya.
2. Agar dapat menjadi input utama dalam proses pembinaan umat dalam dunia pendidikan.
3. Kajian ini untuk dapat dijadikan bahan pertimbangan dalam usaha menentukan kebijaksanaan dalam dunia pendidikan yang bernuansa *Islamiy*, baik di peringkat nasional, serantau, mahupun antarabangsa.
4. Berguna untuk dunia pendidikan dalam menetapkan konsep-konsep baharu yang sesuai dengan perkembangan zaman.

1.6. Objektif Kajian.

Secara khusus objektif kajian penyelidikan ini adalah seperti berikut :

1. Untuk mengkaji teori pendidikan Islam menurut pemikiran Ibn Khaldun.
2. Untuk menganalisis elemen-elemen kemasyarakatan yang utama berdasarkan pemikiran Ibn Khaldun.

3. Untuk mengkaji aspek-aspek kemasyarakatan yang terdapat dalam proses pendidikan menurut Ibn Khaldun.

1.7. Kaedah Kajian.

Dalam penyelidikan ini, penulis menggunakan kaedah sejarah, iaitu mengadakan penyelidikan yang bermatlamat untuk memecahkan masalah yang aktual dan menganalisis secara objektif permasalahan yang ada.²⁷

Penyelidikan ini dilakukan menggunakan tahapan seperti berikut :

1. Setelah memilih tajuk penyelidikan, segala buku-buku, artikel-artikel, kertas kerja, dokumen yang berkaitan dengan tajuk dan skop penyelidikan dikumpulkan untuk dianalisis.
2. Pembacaan dimulakan untuk memberikan penjelasan yang tepat terhadap persoalan yang sedang dikaji.
3. Setelah mengenal pasti konsep/teori pendidikan menurut Ibn Khaldun baharu penulis dapat menganalisis secara kritis terhadap elemen-elemen kemasyarakatan Islam yang terdiri dari unsur negara, budaya, persekitaran, dan tamadun.

Untuk melaksanakan kaedah tersebut, pengkaji menggunakan teknik penyelidikan kepustakaan (*library research*) iaitu mempelajari dan menyelidiki sejumlah buku-buku, artikel-artikel, dan lainya yang berkaitan dengan masalah yang ingin dikaji serta pembahasannya. Data yang diperlukan dalam penyelidikan ini merupakan

²⁷ Winarno Surachmad, *Pengantar Penelitian*, m.s : 139

data kualitatif yang bersifat tekstual dan kontekstual, iaitu beberapa pernyataan serta pendapat yang telah dikemukakan oleh tokoh-tokoh pendidikan tentang pemikiran Ibn Khaldun.

Pengkaji menyatakan bahawa dalam menghimpun data tekstual dalam kajian ini lebih banyak merujuk kepada *al-Muqaddimah* versi Arab. Manakala untuk versi terjemahan, pengkaji juga ada merujuk kepada terjemahan *al-Muqaddimah* versi Bahasa Malaysia dan Bahasa Indonesia kerana kedua-duanya lebih hampir dengan versi asal dalam Bahasa Arab. Walaupun terdapat juga versi terjemahan *al-Muqaddimah* dalam Inggeris, namun setelah perbandingan dibuat ia lebih mengelirukan berbanding yang Bahasa Malaysia dan Bahasa Indonesia.

Data yang diperoleh dari kajian ini akan dianalisis dengan menggunakan teknik analisis isi (*Content Analysis*).²⁸ Ia melibatkan proses menganalisis isi yang terkandung dalam sumber rujukan tentang kaedah pendidikan Islam, kaedah pendidikan oleh Ibn Khaldun dan pemikiran Ibn Khaldun tentang elemen-elemen kemasyarakatan.

Semua terjemahan kepada maksud ayat-ayat al-Qur'an dalam kajian ini akan dirujuk kepada Sheikh Abdullah Basmeih, (1980), *Tafsir Pimpinan Ar-Rahman Kepada Pengertian al-Qur'an*, Kuala Lumpur: Bahagian Ugama Jabatan Perdana Menteri.

²⁸ David L. Shills (ed) *International Encyclopedia of the Social Sciences*, m s : 371

BAB II

KONSEP PENDIDIKAN ISLAM

Sebagaimana diketahui bahawa pendidikan dalam Islam mempunyai martabat yang suci dan penting sekali dan ia menjadi bahagian yang tidak dapat dipisahkan dari Islam kerana merupakan tuntutan dan kewajiban. Dalam pandangan Islam mencari ilmu dan mengajarkannya adalah suatu kewajiban yang sangat mulia, oleh itu mencari ilmu adalah suatu kewajiban bagi setiap muslim. Lebih tegas lagi, Islam mewajibkan bagi setiap orang muslim dan muslimat untuk menuntut ilmu melalui sabda Rasulullah s.a.w. :

طلب العلم فريضة على كل مسلم و مسلمة²⁹

Ertinya : *"Menuntut ilmu itu adalah kewajiban atas setiap orang Islam, baik laki-laki mahupun perempuan"*.


Dengan kata lain, Islam mengajar bahawa Allah s.w.t. tidak akan mengubah nasib suatu kaum sampai kaum itu mengubahnya sendiri³⁰, dan antara cara untuk merubah ini adalah dengan ilmu.

Pendidikan Islam juga mempunyai prinsip yang lebih unggul iaitu menghubungkan prinsip-prinsip mengenal Tuhan, alam semesta dan diri *insan* secara serentak tanpa terpisah antara satu sama lain. Sebagaimana yang terkandung dalam ayat al-

²⁹ H.R. Ibn Majah *Sunan Ibn Majah*, m s : 220 .dan disahihkan oleh al-Bani dalam sahih Ibn Majah (1 : 92) dengan Nombor Hadith : 184.

³⁰ Lihat al-Qur'an, al-Ra'du : 11. Ayat ini ditafsirkan dalam dua keadaan. Tafsiran terhadap ayat ini bahawa manusia perlu terlebih dahulu melakukan sesuatu yang baik agar Allah s.w.t. turut memberikan nasib yang baik kepadanya. Ibn Kathir, *Tafsir al-'Azim*, m s : 664. Namun ada juga tafsiran yang menyatakan bahawa Allah s.w.t. telahpun memberikan nasib dan keadaan yang baik kepada sesuatu kaum. Selagi kaum itu tidak melakukan sesuatu yang merugikan, maka keadaan/nasib yang baik itu akan kekal dalam keadaan baik. Wahbah Zuhaily, *Tafsir al-Munir*, Juz 13, m s : 124 dan 127.

Qur'an yang pertama diturunkan, bahawasanya ia tidaklah dimulai dengan perintah yang berhubung dengan perkara lain seperti ibadah khusus dan lain-lain, akan tetapi dimulakan dengan perintah yang berhubung kait dengan suruhan menuntut ilmu. Sesuai dengan firman Allah s.w.t. dalam al-Qur'an:



Ertinya : *“Bacalah dengan nama Tuhanmu yang menciptakan, ia menciptakan manusia dari se-buku darah beku; Bacalah, dan Tuhanmu yang Maha Pemurah. Yang mengajar manusia melalui pena. Ia mengajarkan manusia apa yang tidak diketahuinya”.*

(al-Qur'an, al-'Alaq: 1 – 5)

Ayat diatas merupakan ayat yang pertama diturunkan di Makkah untuk menjelaskan keutamaan Allah s.w.t menciptakan manusia dari yang lemah sehingga menjadi kuat iaitu dengan menampakkan tuntutan atau kewajiban untuk membaca dan menulis agar terlihat perbezaan antara manusia dengan makhluk-makhluk yang lain³¹.

Wahyu ini ialah perintah Ilahi kepada rasul-Nya s.a.w. supaya mengisytihar dan menyebarkan *risalat* kepada semua umat manusia. Wahyu yang pertama ini mengandungi perintah yang menyuruh manusia agar belajar, mengenal Tuhan, memahami fenomena alam, memahami diri sendiri serta menghayati bahawa cara

³¹ Wahbah al-Zuhaily, *al-Tafsir al-Munir fi al-'Aqida wa al-Syari'at wa al-Manhaj*. m s : 311

hidup yang baik adalah tergolong dalam prinsip akidah, ilmu dan amal.³² Oleh kerana itu, semua perkara ini adalah menjadi prinsip hidup manusia dalam mencapai *al-insan al-kamil*.

Inilah ayat-ayat pertama yang diturunkan Allah s.w.t. dan ia berupa rahmat Allah s.w.t. yang terbesar untuk umat manusia. Dalam ayat-ayat permulaan ini Allah s.w.t. menyuruh Nabi Muhammad s.a.w. supaya membaca dan memperhatikan bukti kebesaran Allah s.w.t. di alam ini. Dan inilah merupakan landasan terciptanya pendidikan Islam bagi sekalian umat manusia di dunia ini.

Islam tidaklah melihat pendidikan dari skop yang sempit. Ia tidak terbatas pada pendidikan duniawi semata-mata, tetapi meliputi dua lapangan iaitu dunia dan akhirat. Dalam hubungan ini Islam telah membahagikan ilmu kepada dua kumpulan yang besar; *Pertama* ialah ilmu *fardu 'ayn* yang dituntut ke atas setiap orang supaya mengetahui dan mempelajarinya dalam melaksanakan suruhan agama, seperti ilmu agama, (tauhid, akidah, akhlak, fiqh dan lain-lain). *Kedua*, ilmu *fardu kifayah* iaitu yang mesti ada pada sekumpulan orang dalam masyarakat tanpa melihat kepada individu tertentu seperti ilmu pertukangan, kemahiran, perniagaan, kedokteran, ekonomi, kimia, fizik, pembuatan senjata dan sebagainya. Walau bagaimanapun, ilmu yang kedua ini menjadi *fardu 'ayn* apabila tiada seorang pun muslim dalam masyarakat itu yang mempelajarinya.³³

Pendidikan Islam akan menyatukan semua pengetahuan di bawah pengendalian al-Qur'an dan al-Sunnah yang merupakan teras di dalam kesyukuran dan kesatuan ilmu-ilmu itu. Akidah Islamlah yang menjadi landasan utama bagi penentuan

³² Ibn Kathir, *Tafsir al-Qur'an al-'azim*, Jilid 4 m s : 682. Lihat: H.Salim Bahreisy H.Said Bahreisy, *Tarjamah Mukhtasar Tafsir Ibn Kathir (terj. singkat Tafsir Ibn Kathir jilid 8)* m s : 96. Lihat juga: Ahmad Mohd. Salleh, *Pendidikan Islam Falsafah, Pedagogi dan Metodologi*, m s : 1

³³ Imam al-Ghazali *Ihya' Ulum al-Din* jilid 1, m.s : 25-27. Lihat juga, Ahmad Mohd Salleh, *Pendidikan Islam Falsafah, Pedagogi dan Metodologi*, m s : 1